

**PM Mesir panggil mesyuarat khas krisis, Kedutaan Israel diserbu  
Reuters  
10 September 2011**

KAHERAH, 10 Sept — Perdana Menteri Mesir Essam Sharaf memanggil pasukan krisis Kabinet dan Menteri Dalam Negeri manakala pasukan polis diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan cuti polis pula dibatalkan ekoran gelombang keganasan dan percubaan menyerbu Kedutaan Israel.

Ratusan orang tercedera dalam pertempuran antara polis dan penunjuk perasaan yang cuba menceroboh masuk Kedutaan Israel manakala pasukan keselamatan menggunakan gas pemedih mata dan tembakan ke udara untuk menyuraikan tunjuk perasaan. — Reuters

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-mesir-panggil-mesyuarat-khas-krisis-kedutaan-israel-diserbu/>